

Persisi akan 'buka pintu' untuk orang2 bukan Melayu

28 JAN 1978

pencak silat

PERSEKUTUAN Silat Singapura (Persisi) sedang menjalankan usaha untuk menarik orang-orang bukan Melayu untuk mempelajari silat sebagai satu kegiatan sukan.

Usaha ini dijalankan sesuai dengan masyarakat berbilang bangsa di Republik ini dan Persisi ingin menjadi badan pertama membuka pintu silat kepada bangsa asing.

"Ini adalah salah satu usaha besar yang akan dijalankan oleh kami," kata Encik Johari Uriff, setiausaha persekutuan itu semalam.

Dia menjelaskan bahawa silat yang akan

Oleh: SUMADI SARKAWI

dibukakan kepada orang-orang bukan Melayu ini adalah merupakan silat untuk sukan.

"Dengan cara ini, seni silat ini akan dapat berkembang dengan lebih meluas lagi di Republik ini dan mungkin pertandingan-pertandingan dan

pesta-pesta silat yang akan dianjurkan oleh kami di masa depan akan lebih meriah lagi," jelasnya.

Sementara itu, Persisi telah mengadakan mesyuarat agung khas Ahad lalu meminda sebahagian kecil perlembagaannya bagi membolehkan ia menambah anggota jawatankuasanya.

Jadi kerabat

Dengan pindaan ini, Persisi kini mempunyai seramai 16 orang ahli jawatankuasa dengan jawatan baru yang diadakan ialah timbalan presiden di mana Encik Sidek Saniff Anggota Parlimen (Kolam Ayer), telah dilantik memegang jawatan itu.

Mesyuarat itu telah dihadiri oleh empat dari tujuh badan kerabatnya. Mereka yang hadir ialah Perwanit, PASAK, Badan Kesenian Melayu dan Persatuan Bawean Singapura. Kerabat lain Persisi ialah Pertapis, Himpunan Queenstown dan Perpensis.

Persisi telah menerima permohonan menjadi kerabat dari Persekutuan Seni Gamelan Singapura dan Persekutuan Alhad Singapura.

Menurut Encik Johari lagi, permohonan-permohonan ini sedang diproses dan keputusannya akan diumumkan kelak.

Dia juga menyeru agar pertubuhan-pertubuhan yang mempunyai kegiatan seni silat agar bergabung dengan Persisi demi "perpaduan yang baik" dan meluaskan lagi kegiatan.

Persisi: Silat dapat disibar sebagai satu acara sukan

30 JAN 1978

pencak silat

PERSEKUTUAN Silat Singapura (PERSISI) baru-baru ini telah mengumumkan langkah mereka untuk menyebarkan silat sebagai sejenis sukan yang dapat diikuti oleh semua penduduk tempatan.

Langkah ini menurut seorang pegawai Persisi, Encik Johari Uriff bertujuan untuk membuka seni silat kepada lain-lain kaum dan untuk menggalakkan kegiatan itu di masa depan.

Menurutnya lagi, jika ia mendapat sambutan yang baik mungkin akan dapat dipersembahkan sebagai satu acara sukan seperti yang berlaku kepada lain-lain jenis pertahanan diri seperti judo, karate dan tae-kwon do.

Sambutan

Sejauh mana dan bagaimana sambutan masyarakat Melayu terhadap langkah ini hanya akan dapat diukur dalam bulan-bulan yang akan datang — tetapi ia pasti menggalakkan.

Jika kita tinjau seni-seni pertahanan diri bangsa-bangsa Asia seperti dari Jepun, Korea dan China, mereka telah mencapai peringkat yang begitu tinggi hingga tersibar amalannya di seluruh dunia.

Seni silat warisan orang-orang Melayu — termasuk dari Malaysia dan Indonesia — memang telah lama diamalkan sejak beratus-tahun yang lalu.

Ia terkenal bukan sahaja ketangkasan dan mutunya yang tinggi tetapi juga sebagai satu jenis seni tari yang halus dan

indah bagi orang-orang asing.

Penelitian ke atas seni pertahanan diri yang dijadikan sebagai sejenis sukan seperti judo dan tae-kwon do — menunjukkan bahawa kajian yang begitu mendalam telah dibuat dan telah disusun satu sistem kemahiran.

Seorang individu yang mahu atau berminat mengikuti jurusan seni itu akan diajar secara berperingkat hingga mencapai tingkatan yang tertinggi.

Tambahan pula para pengikut seni itu berpeluang untuk mengenal lebih dekat minat mereka melalui buku-buku khas yang disusun dan diterbitkan — yang meliputi setiap aspek seni itu.

Begitu juga dengan seni silat, jika ia hendak diluaskan kegiatannya pada peringkat awal ke seluruh masyarakat Singapura yang berbilang kaum memerlukan usaha-usaha yang gigih dari setiap pegawai Persisi dan kaum kerabatnya.

Dan ini pasti dapat diselenggarakan dengan lebih baik lagi jika dapat disiapkan satu buku panduan yang meliputi setiap aspek pergerakan fizikal seni itu.

Pada masa yang sama setiap individu atau pengikut silat mesti memberi kerjasama yang sepenuhnya kepada usaha Persisi.

Adalah dipercayai bahawa berakhirnya Pesta Silat anjuran Persisi pada tahun lepas telah menarik minat ramai orang asing kerana mutu persembahan yang tinggi semasa pesta itu.